

# THE TITAN

26 JUN 2022 | BIL: 13  
www.richworks.com


RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutaan

*Industry View*  
CASHLESS  
MENGUASAI  
DUNIA

# KAI FIYYAH

MODERNISING  
THE BAJU  
KURUNG  
SINGAPORE



PUAN KAT  
BERSAMA  
SALAH  
SEORANG  
MODEL  
MENGAYAKAN  
REKAAN  
KAIFIYYAH.





# JURURAWAT CINTAKAN PERNIAGAAN

## PERMINTAAN AYAH

Siti Khadijah Abdul Aziz atau lebih mesra dengan panggilan Puan Kat sebenarnya tidak bercita-cita untuk menyarung uniform putih, bertugas sebagai seorang jururawat.

Namun atas dasar memenuhi permintaan ayahnya, Puan Kat berjaya menamatkan pengajian dalam bidang itu dan bertugas di sebuah hospital kerajaan di Singapura.

“Saya terpaksa turutkan sebab tiada pilihan kerana ayah yang suruh ambil jurusan kejururawatan. Niat hati hendak gembirakan ayah, maka saya turutkan sahaja.

Kemudian, saya mula bergelut dengan keadaan sebab saya tak minat dengan dengan kerjaya itu. Bukan karier jururawat ni tak bagus cuma saya memang tak minat,” kata pengasas Kaifiyyah Pte Ltd.

Selepas mendirikan rumah tangga dan memiliki anak, Puan Kat semakin tidak betah dengan pekerjaannya itu, lebih-lebih lagi fokusnya kini tertumpu kepada zuriatnya.

## BERJINAK-JINAK DENGAN PERNIAGAAN

Beliau merasakan segala urusannya perlu diselesaikan di rumah, jadi Puan Kat mula mencari peluang bagaimana untuk menambah pendapatan hanya dengan bekerja dari rumah.

“Sambil saya membesarkan anak, saya bergelut dengan masalah kewangan kerana saya tak tahu menguruskannya.

“Pada masa itu, dalam fikiran saya berniaga adalah satu-satunya jalan saya boleh menambah pendapatan,” katanya.



Memikirkan tentang minatnya itu, Siti mula menimbangkan keputusan untuk berhenti kerja.

“Masa itu, saya ikut-ikutan orang berniaga, orang jual tudung saya pun jual tudung. Saya lakukan tanpa ilmu perniagaan.

“Saya banyak bertanya pendapat, kepada orang yang tak pandai berniaga pun saya tanya. Tetapi malangnya semuanya beri jawapan yang mengecewakan,” ujarnya.

## TAK DAPAT SOKONGAN

Puan Kat memulakan perniagaan pada 2013 dengan menjual pakaian muslimah.

Setelah meninggalkan kerjayanya, beliau mula berniaga dengan memperkenalkan jenama sendiri.

“Masa itu saya memang sukakan benda-benda glamour ni, jadi bila orang tahu jenama saya, dalam hati saya sangat teruja tapi malangnya keluarga terdekat sering memerli dan tidak memberi sokongan.

“Macam ayah saya, terang-terangan mengatakan kita bukan orang berniaga, jadi jangan berangan,” luahnya.

Namun, Puan Kat tidak mudah berputus asa, beliau terus berkayuh tanpa mengenal erti penat lelah dari 2013 hingga 2019.

## HUTANG BERTIMBUN

Puan Kat juga tidak kisah berhutang, janji dapat meneruskan perniagaannya, walaupun beliau sendiri tidak tahu ke mana arah tujuannya.

“Saya memang banyak berhutang, entah macam mana saya pandai sangat meminjam wang. Saya pun tak tahu. Saya cakap saya nak buat berniaga sedangkan saya tak tahu pun mana arah tujuan saya ilmu pemasaran lagilah saya tak tahu.

“Cubalah anda bayangkan, usaha saya selama ini berakhir dengan perasaan keluarga yang kecewa terhadap tindak-tanduk saya sekali gus, buat mereka hilang kepercayaan terhadap saya. Ayah kata, bila dia sudah tiada lagi di dunia ini, mungkin saya masih terumbang-ambing,” katanya.



Tambah Puan Kat, pada 2019 beliau kembali menyarung uniformnya sebagai jururawat.

Ketika itu, beliau telah berputus asa untuk meneruskan perniagaan.

“Saya rasa saya selalu betul. Saya jadi ibu yang mementingkan diri sendiri, saya dibebani hutang yang banyak, jadi saya terpaksa masuk kerja semula. Saya betul-betul pokai ketika itu,” katanya.

## NAK UBAH HIDUP

Walaupun begitu, dengan sisa-sisa harapan yang masih tinggal, Puan Kat gagahkan hati untuk pergi ke Shah Alam bagi menyertai program Nak Ubah Hidup (NUH) anjuran RichWorks pada Januari 2020.

Program itu diketahuinya menerusi seorang rakan yang merupakan anak didik Mentor Usahawan Datuk Wira Dr Azizan Osman.

Berdasarkan penilaian Puan Kat, peniagaan sahabatnya itu sangat bagus dan seorang individu yang merendah diri.

“Masa itu, saya dah tak ada duit untuk naik kapal terbang. Saya ambil bas dari Singapura ke Kuala Lumpur dan menaiki grab ke Shah Alam.

“Saya bagi tahu diri saya sendiri, saya perlu belajar! Masa itu saya dah buang masa lampau saya,” tegasnya.

Selepas menghadiri NUH, perkara yang melekat di mindanya adalah mengenai keberkatan.

“Jika saya ada masalah dan down, saya akan check hubungan dengan Allah, ibu bapa dan suami saya,” jelasnya.

**“ADA DALAM TITAN,  
SATU DUA JAM  
SAYA DAH BANGKIT  
BALIK DAH. DALAM  
TELEGRAM TITAN TU  
SAHAJA DAH BAKAR  
SEMANGAT SAYA DAN  
RASA APA SEBENARNYA  
MASALAH SAYA NI.  
SAYA DAPAT MANFAAT  
DARIPADA RICHWORKS,  
ALHAMDULILLAH.”**





## HIKMAH COVID-19

Bagaimanapun, tidak lama selepas itu, Covid-19 melanda dunia dan Malaysia menutup pintu sempadan, begitu juga dengan Singapura.

Namun, ada hikmah di sebalik musibah yang menimpa, Puan Kat masih boleh meneruskan pembelajaran bersama RichWorks menerusi kelas dalam talian.

“Walaupun semua orang susah ketika Covid-19, tetapi saya bersyukur kerana saya tak perlu lagi ke Shah Alam. Semuanya secara dalam talian sahaja,” ujarinya.

Sejak mempelajari selok-belok perniagaan bersama RichWorks dan bimbingan daripada Dr Azizan, Puan Kat berjaya bangkit daripada kekecewaannya berniaga.

## USAHAWAN JUTAWAN

Walaupun ketika sedang berhadapan dengan masalah hutang, namun Puan Kat menanam impian untuk menjadi salah seorang usahawan jutawan.

Menurutnya, beliau teruja dengan kata-kata

Dr Azizan ketika menghadiri seminar Millionaire Marketing Mastery (MMM) sebelum ini.

“Saya ingat Dr. Azizan cakap masa itu, saya nak lahirkan 1,000 usahawan jutawan dalam masa enam bulan.

“Dalam hati saya berkata, saya pun nak jadi seorang daripada jutawan. Saya suka dengar usahawan jutawan,” jelasnya.

Setelah menyertai program SPIRE, Puan Kat berjaya mencatat jualan RM1 juta pertama dalam tempoh enam bulan saja.

Beliau juga dapat menjelaskan hutang bertimbun iaitu sebanyak SGD100, 000 (RM307, 953).

Seterusnya, Puan Kat mengorak langkah mendaftar sebagai Titan.

“Dalam Titan tak ada masa nak down lama. Dulu masa saya tak ada ilmu saya down bila orang kecam saya. Makan masa berbulan.

“Ada dalam Titan, satu dua jam saya dah bangkit balik dah. Dalam telegram Titan tu sahaja dah bakar semangat saya dan rasa apa sebenarnya masalah saya ni. Saya dapat manfaat daripada RichWorks, alhamdulillah,” kongsiya.



## PENCAPAIAN

Puan Kat membuktikan dengan iltizam yang kuat beliau boleh berjaya dalam bidang perniagaan dan meraih jualan RM4.04 juta pada tahun 2021.

Perniagaan pakaian yang diusahakannya kini mempunyai tiga unit kedai di kawasan strategik sekitar Masjid Sultan, di kota singa itu.

Selain pasaran di Singapura, Kaifiyah turut mendapat sambutan dari negara jiran seperti Brunei dan Malaysia

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan produk Kaifiyah boleh ke laman sesawang [kaifiyah.com](http://kaifiyah.com).







TITAN

## NASIHAT PUAN KAT

**1** PERTAMA, buang ego secepat mungkin.

“Buang ego dan bagi yang baru nak mulakan perniagaan kuatkan niat kenapa nak buat bisnes tu,” tegasnya.

**2** KEDUA, ilmu yang tak beri results pada kita jangan gunakan.

“Tak perlu praktik ilmu tak berkesan, bertanya kepada yang pakar, jika nak capai results yang dikehendaki.

**3** KETIGA, jangan buang masa.

“Jangan buang masa. Kalau buang masa nanti kita lambat dan tak buat tindakan yang sepatutnya dengan cepat,” katanya.

**4** KEEMPAT, belajar daripada mentor.

Belajar daripada mentor yang ada proven results, berniaga mesti ada ilmu. 📌





# **NAKURUS BISNES**

**25-26 Jun 2022**  
PLATFORM **zoom**

**BONUS**  
**Sesi Bootcamp 6X**



**NASRUL HADI**  
FCMA, CGMA, C.A.(M)

# **IS BACK!**

### **APA YANG AKAN DIPELAJARI**

- Kaedah Bina Displin Urus Duit
- Urus Duit Bisnes Dengan Betul
- Cara Elak Bisnes Terus Rugi
- Formula Urus Gaji Untuk Pemilik Bisnes dan Staff
- Langkah Kurangkan Rasa Takut Urus Cukai

**DAFTAR SEKARANG!**  
[www.nakurusbisnes.com](http://www.nakurusbisnes.com)

# CASHLESS

menguasai dunia





## NO CASH? NO PROBLEM!

DAHULU, tidak sah rasanya jika kita keluar rumah tanpa wang tunai di tangan. Makin banyak yang ingin dibeli maka makin banyaklah duit di dompet.

Namun, situasi sekarang tidak lagi seperti dulu. Rata-rata daripada kita terutamanya anak muda hanya membawa seminima yang mungkin wang tunai kerana segala-galanya kini adalah tentang *cashless*.

*No cash? No problem!* Kini, kebanyakan daripada kita gemar untuk melakukan transaksi pembayaran melalui kad kredit atau debit mahupun secara digital menerusi aplikasi e-dompet dan kod QR di telefon pintar. Dengan hanya satu sentuhan *tap*, barang yang ingin dibeli terus menjadi milik anda!

Situasi pandemik yang melanda negara kita telah mendorong pengguna di Malaysia untuk memilih pembayaran digital berbanding tunai.

Diramalkan bahawa kebanyakan negara akan menjadi *cashless* menjelang 2030.

## PENGEMIS GUNA APLIKASI QR

Bagaimanapun, negara kita masih ketinggalan di belakang Finland, Sweden dan China dalam mewujudkan masyarakat tanpa tunai.

Ini bukanlah sesuatu yang janggal kerana pengemis di China juga turut menggunakan aplikasi QR di telefon ketika mengemis!

Untuk membantu Malaysia berkembang menjadi masyarakat *cashless*, beberapa cabaran perlu ditangani.

Kita tidak boleh tergesa-gesa untuk melakukan perubahan kerana sesetengah masyarakat belum bersedia untuk menerimanya. Jika kita berbuat demikian, pasti ada impak negatif yang menanti.

**NAMUN BEGITU,  
E-PEMBAYARAN  
BOLEH MENJANA  
LEBIH BANYAK  
HASIL KEPADA  
KERAJAAN DAN  
SEBAHAGIAN  
DARIPADANYA  
BOLEH DIGUNAKAN  
UNTUK  
MEMBANGUNKAN  
NEGARA DAN  
MENGEKALKAN  
KELESTARIAN HIDUP  
MASYARAKAT.**

## CABARAN WARGA EMAS

Sebagai contoh, warga emas kebiasaannya masih belum terbiasa dengan kaedah pembayaran digital.

Ada yang masih bergelut untuk menggunakan telefon pintar kerana bukan hanya kemahiran mereka yang terhad untuk menggunakan alat digital, namun mereka juga mungkin mengalami masalah penglihatan dan lain-lain.

Ini mungkin sangat mudah untuk generasi muda tetapi tidak untuk generasi yang lebih tua.

Bayangkan seorang nenek berumur 85 tahun yang mengalami rabun jauh terpinga-pinga untuk melihat dengan jelas skrin kecil telefon pintar bagi mencari ikon aplikasi. Pasti situasi ini sukar untuk mereka bukan? Risiko untuk mereka ditipu oleh peniaga yang tidak jujur juga sangat tinggi.



## ELAK BOROS BERBELANJA

Ini bertentangan dengan sikap masyarakat kita yang menekankan keprihatinan dan kasih sayang kepada warga emas, yang mana menyokong bahawa wang tunai memberi mereka kebebasan, kemudahan dan keselamatan.

Selain itu, penggunaan wang tunai juga 'menyelamatkan' sesetengah daripada kita daripada terus sakan boros berbelanja.

Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia tahun lepas, 23.75 peratus kebangkrapan terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 34 tahun dengan hutang kad kredit menjadi salah satu punca utama.

Data Bank Negara Malaysia menunjukkan 47 peratus belia mempunyai hutang kad kredit yang tinggi kerana gaya hidup atau hidup di luar kemampuan mereka.

## DOMPET LEBIH RINGAN

Namun begitu, e-pembayaran boleh menjana

lebih banyak hasil kepada kerajaan dan sebahagian daripadanya boleh digunakan untuk membangunkan negara dan mengekalkan kelestarian hidup masyarakat.

Satu lagi kelebihan urus niaga menggunakan e-pembayaran ialah ia lebih pantas kerana ia tidak melibatkan pertukaran atau pengiraan wang.

Aktiviti *cashless* juga mempercepatkan urus niaga dan meningkatkan kemudahan untuk perniagaan dan pengguna. Dompet juga terasa lebih ringan!

Seterusnya, isu ini masih harus dilihat terutamanya terhadap perusahaan kecil atau mikro kerana mereka yang tidak mempunyai akses perbankan akan ketinggalan jauh dalam perjalanan ini.

Tuntasnya, kita perlu mewujudkan lebih kesedaran tentang e-pembayaran untuk menyediakan rakyat kita menghadapi era *cashless* ataupun dunia tanpa tunai suatu hari nanti.

Segalanya kini tentang dunia di hujung jari. Adakah kita sudah bersedia sepenuhnya? 📌

# Business Evaluation Success Transformation

# best



*Kenal pasti*  
**MASALAH BISNES anda**

Hadir Sesi Konsultasi Business Evaluation Success & Transformation


[richworks.com/best](https://richworks.com/best)

**HADIR KE RICHWORKS**





RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



# BUSINESS METAMORPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan  
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih  
350 Usahawan Jutaan Pada Tahun 2020-2021.**


Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

**5-7 OGOS 2022**

**DAFTAR SEKARANG!**

[richworks.com/bmb](https://richworks.com/bmb)

# Eksklusif & Terhad!



## SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang **PROVEN** diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu **BANGKIT** semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

**REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan **HADIAH** dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **1,500** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~  
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~  
**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™

THE  
TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.